



SETIAUSAHA Majlis Bandaraya Alor Setar, **Hakim Ariff Md Noor** (tengah) mengoyakkan bekas polisterina tanda simbolik perasmian Majlis Pelancaran Kempen Pengurangan Penggunaan Polisterin anjuran Majlis Bandaraya Alor Setar.

Noor Mohamad Shakil Hameed

Memasuki tahun baharu 2017, rakyat negara ini perlu bersiap sedia menghadapi beberapa penguatkuasaan undang-undang dan peraturan baharu yang diumumkan oleh pihak berkuasa sebelum ini. Apa yang pasti ada peraturan diperkenalkan selepas pelbagai kajian dilaksanakan dan ada pula yang diputuskan susulan daripada beberapa insiden yang berlaku sepanjang tahun 2016.

Antara peraturan yang dilihat memberi kesan langsung kepada aspek penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar ialah larangan penggunaan polistirena di semua premis makanan dan kafe di ibu negara, Putrajaya dan Labuan serta Melaka. Sudah pasti larangan ini bakal memberi sumbangan bermakna untuk kita terus melindungi bumi daripada pelbagai pencemaran. Malah larangan ini dilihat tambahan kepada peraturan hari tanpa beg plastik yang turut dipanjangkan kepada tujuh hari seminggu berbanding hari Sabtu sahaja sebelum ini di beberapa negeri. Jadi kita harap peniaga dan orang ramai akan memberi kerjasama yang jitu bagi menjayakan usaha murni menjaga alam sekitar ini.

Isu kemalangan dan keselamatan di jalan raya juga terus mendapat perhatian pada tahun baharu. Sehingga hujung Disember yang lalu kita terus dikejutkan dengan kemalangan jalan raya berskala besar misalnya melibatkan bas yang mengorbankan 14 nyawa di Pagoh yang dilaporkan berpunca daripada pemanduan yang melebihi had laju. Justeru mulai tahun ini, semua bas ekspres dan persiaran baharu diwajibkan memasang alat pencegah kelajuan yang dilihat mampu mengawal dan 'memberi amaran' secara automatik kepada pemandu andai cuba untuk memandu melebihi had yang ditetapkan. Sebagai usaha tambahan untuk mengurangkan kadar kemalangan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pula akan menguatkuasakan penggunaan



SISTEM Keselamatan, Kesedaran Automatik (AWAS), gabungan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) dikuatkuasakan bagi mendidik pemandu yang terus degil di atas jalan raya.

pemantul cahaya pada semua kenderaan perdagangan. Di samping itu, bagi mendidik pemandu yang terus degil di atas jalan raya pihak berkuasa juga akan melaksanakan Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS), gabungan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA). Di harap semua inisiatif baharu ini dapat mengurangkan kadar kemalangan maut, menyelamatkan nyawa yang tidak berdosanya serta mencegah jalan raya terus bermandi marah di negara ini.

Isu penipuan pakej umrah turut bakal ditangani sebaik mungkin pada tahun ini. Muatlah ini hampir setiap hari kita didedahkan kes penipuan umrah sama ada jemaah kita terkandas di Mekkah kerana masalah penerbangan balik ataupun terkandas di KLIA apabila ejen umrah yang menjanjikan tiket dan menyusun jadual penerba-

ngan tidak muncul. Jelas bilangan mereka yang ditipu terus meningkat kepada 3,714 jemaah sejak empat tahun kebelakangan ini. Untuk itu kerajaan mulai tahun ini memutuskan agar agensi yang mengendalikan umrah perlu mendapatkan lesen khas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Dengan langkah ini kita harap kes penipuan umrah tidak lagi berlaku di negara kita secara berleluasa seperti sekarang.

Beberapa keputusan dan peraturan membabitkan pekerja asing juga bakal mengambil tempat mulai tahun ini. Antaranya Indonesia bakal menghentikan sepenuhnya pembekalan amah ke luar negara, termasuk Malaysia. Walaupun ia membabitkan keputusan yang dibuat oleh kerajaan negara mereka, masyarakat kita yang banyak bergantung harap kepada amah Indonesia perlu menyesuaikan diri dengan peraturan baharu ini dan wajar

beralih penggantungan kepada sama ada rakyat tempatan ataupun amah dari negara jiran lain. Dalam konteks ini, penulis melihat sudah tiba masanya rakyat tempatan mengambil alih kerja amah sebagai pengurus rumah tangga dengan skim gaji yang lebih kompetitif di samping peluang kehidupan kedua kepada amah dari kalangan rakyat Rohingya yang sedang menderita dan dizalimi. Dalam pada itu, mulai tahun ini juga majikan bertanggungjawab sepenuhnya membayar levi pekerja asing dan tidak dibenarkan membuat potongan gaji pekerja bagi menampung pembayaran levi tersebut. Langkah ini diyakini dapat meletakkan majikan menjaga pekerja mereka, sekali gus mengelakkan isu pekerja asing lari, bertukar sektor secara haram, tinggal lebih masa dan menjadi pendatang asing tanpa izin (PATI).

Dunia pendidikan juga bakal melalui transformasi dan zaman peralihan demi masa depan yang lebih cemerlang. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang disemak semula akan berkuat kuasa mulai tahun ini. Secara ringkasnya kurikulum ini memberi penekanan kepada pengajaran berpusatkan murid dan pengajaran dibezakan di samping memberi lebih penekanan kepada penyelesaian masalah, tugasan berasaskan projek, memperkasakan mata pelajaran atau tema dan melaksana pentaksiran formatif.

Dalam pada itu, beberapa peraturan baharu yang lain juga dilihat bakal memberi kebaikan dan meringankan beban pengguna, sekali gus menjaga kebajikan rakyat. Antaranya pemberian rebat ke atas penggunaan elektrik berjumlah 1.25 sen per jam (kWh) bagi semua pengguna susulan penurunan harga kos

bahan api dan janakuasa yang lebih rendah sehingga 30 Jun. Manakala caj perkhidmatan penumpang (PSC) pula dikurangkan daripada RM65 kepada RM35 untuk setiap penumpang dalam penerbangan ke mana-mana destinasi ASEAN dari semua lapangan terbang utama di Malaysia. Sementara itu, pindaan Akta Kebankrapan 1967 pula akan memudahkan dan membolehkan mereka yang diisytihar bankrap kembali aktif dalam perniagaan terutamanya penjamin sosial yang selama ini menderita dan menjadi mangsa keada-

daan. Kakitangan awam juga bakal menikmati faedah tambahan pada tahun ini apabila mereka dibenarkan memohon cuti tanpa rekod sehingga lima hari jika anak-anak mereka menghidap penyakit berjangkit seperti demam denggi berdarah atau campak dan perlu dikuarantin. Ini pasti melegakan kakitangan awam dalam

kalangan kaum ibu yang selama ini sama ada terpaksa ambil cuti rehat atau cuti tanpa gaji untuk menjaga anak mereka.

Secara umumnya, pelbagai insiden yang berlaku selama ini membawa kepada keperluan untuk kita memperkenalkan beberapa peraturan, penguatkuasaan mahupun kemudahan demi kebaikan bersama. Penulis percaya pihak berkuasa sudah menilai dan meneliti segala aspek dan baik buruk sebelum memperkenalkan peraturan baharu tersebut.

Justeru, bagi memperoleh manfaat yang dihasratkan melalui peraturan baharu ini, semua pihak yang terlibat perlu memastikan peraturan dikuatkuasakan dengan baik dan masyarakat pula menghayati dan mematuhi semua penguatkuasaan tersebut. Semoga dengan adanya peraturan baharu ini kehidupan rakyat kita akan lebih sejahtera, aman, makmur dan selamat. Selamat menyambut tahun baharu 2017.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM